



**STAIL KEPIMPINAN JURULATIH AKTIVITI LUAR DENGAN TAHAP
MOTIVASI PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**THE LEADERSHIP STYLE OF OUTDOOR ACTIVITIES COACH AND
MOTIVATION LEVEL OF UKM'S STUDENTS**

Mohd Syahid Bin Mohd Razali¹

Norlena Salamuddin²

Mohammad Fuad Shanizan Bin Azmain³

Mohd Khairul Anwar Bin Md Yusof⁴

¹National University of Malaysia ; Email: jacksyahid@gmail.com

²National University of Malaysia ; Email: leena6244@gmail.com

³National University of Malaysia ; Email: Fuad_7708@hotmail.com

⁴National University of Malaysia ; Email: uitm_anwar@yahoo.com

Abstract

The purpose of this research is to explain the existence of a relevancy between the outdoor activities coach's leadership style towards the student's level of motivation that were determined according to their age, sex, type of activities they were involved in and their duration of studies in the Faculty of Recreational Sports Education and Rakan Media Club, UKM. A group of 80 outdoors' students of Faculty of Education and Rakan Muda Club was selected as a respondent. The Leader Behavior Description Questionnaire (LBDQ) was used as the measuring instrument to determine the two dimensional model of the coach's leadership style by using structural adjustments and consideration and initiating structure, while a Questionnaire of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT) was used to measure the level of motivation among the students. The result of the studies indicates a strong tendency between the coach, leadership style and the student's level of motivation. This research concludes that students will be more motivated if the coach performs a high leadership style in two-dimensional structural adjustments and Consideration and Initiating structure. The result of the research supports the previous findings, which indicate that the leadership style of the coach predisposes the student's motivational level. The first and second hypotheses were rejected while the third and fourth hypothesis are failing to reject. This paper suggests the further studies will consider identifying other variables that predispose to the participant motivational level.

Keywords: Outdoor activities, leadership, motivation, coach, recreational



Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perkaitan diantara stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar dengan tahap motivasi pelajar dan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan pada tahap motivasi pelajar mengikut jantina, umur, jenis aktiviti yang diceburi dan tempoh pengajian di Fakulti Pendidikan Sukan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda, UKM. Seramai 80 orang pelajar aktiviti luar, Fakulti Pendidikan dan Kelab Rakan Muda, telah dipilih sebagai responden. Alat ukur Leader Behavior Description Questionnaire (LBDQ) digunakan untuk mengukur dua dimensi kepimpinan jurulatih iaitu kepimpinan pendayautamaan struktur dan kepimpinan timbang rasa manakala alat ukur A Questionnaire of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT) di gunakan untuk mengukur tahap motivasi pelajar. Bagi maklumat demografi, para pelajar diminta memberi maklumat seperti jantina, umur, kategori aktiviti dan jangkamasa berada di Fakulti Pendidikan dan Kelab Rakan Muda, UKM. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat di antara stail kepimpinan jurulatih dengan tahap motivasi pelajar. Hasil penyelidikan ini dapat disimpulkan bahawa pelajar akan lebih bermotivasi jika jurulatih mengamalkan stail kepimpinan yang tinggi dalam dimensi pendayautamaan struktur dan timbang rasa . Dapatan kajian juga menyokong dapatan penyelidikan lain bahawa stail kepimpinan jurulatih masih mempunyai pengaruh ke atas motivasi pelajar. Hipotesis pertama dan hipotesis kedua ditolak dalam kajian ini dan hasil keputusan bagi hipotesis ketiga dan keempat menunjukkan bahawa hipotesis ini gagal ditolak. Cadangan kajian adalah agar lebih banyak kajian yang dibuat dengan lebih luas dan terbuka dan pembolehubah-pembolehubah lain yang mempunyai kesan terhadap motivasi peserta juga diambil kira.

Kata kunci: Aktiviti luar, kepimpinan, motivasi, jurulatih, rekreasi

Pengenalan

Kepimpinan berkarisma bermakna pengikut dibantu dalam memperoleh kemahiran dan keyakinan dengan memberi kuasa kepada mereka untuk bertanggungjawab dalam sebuah organisasi yang dinamik (Yukl, 2006)¹. Di universiti khususnya dalam bidang rekreasi luar, jurulatih bertindak sebagai pemimpin aktiviti dengan memberi kemahiran dan keyakinan kepada peserta di bawah bimbingannya agar dapat berdaya saing dan menimba ilmu semasa menyertai setiap aktiviti yang dijalankan. Ini bermakna gaya kepimpinan jurulatih luar dapat mempengaruhi peserta untuk setiap aktiviti yang dijalankan (Patterson, Carron, & Loughhead, 2005)².

Kebanyakan kajian lepas telah menunjukkan gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan adalah dimensi yang paling diminati oleh atlet (Jabal, 2009³; Kashtan, 2007⁴; Khalaj, Khabiri, & Sajjadi, 2011⁵; Khuran, 2009⁶; Rui et al., 2011⁷; Sarpira, Khodayari, & Mohammadi, 2012)⁸, manakala gaya kepimpinan dalam dimensi demokratik dan dimensi autokratik pula adalah dimensi yang kurang diminati atlet (Jabal, 2009³; Kashtan, 2007⁴; Khalaj et al., 2011)⁵. Dimensi kepimpinan maklum balas (ganjaran) seterusnya pula bertindak sebagai pengagihan bonus



jurulatih kepada atlet semasa latihan (Chelladurai, 2007)⁹ atau semasa pertandingan. Di samping itu, dimensi sokongan sosial jurulatih diperlukan khususnya oleh atlet muda untuk merasakan keseronokan dan dimensi maklum balas positif atau ganjaran dapat membawa kepada perasaan kesaksamaan di antara ahli kumpulan yang dibentuk dan seterusnya mempengaruhi pencapaian seseorang atlet dan pasukan.

Menurut Mallet (2003)¹⁰, jurulatih memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan atlet-atlet dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi meningkat prestasi atlet dalam sukan yang mereka ceburi. Tanpa pemimpin atau jurulatih yang berkebolehan dan berkaliber dalam sesebuah organisasi akan menyebabkan organisasi tersebut terumbang ambing dan hilang pedoman maka sudah pastilah aktiviti yang tidak dapat berjalan dengan lancar.

Bagi kepimpinan dalam aktiviti luar pula, ia menjadi perkara yang paling utama dan teramat penting dibincangkan sebelum sesuatu aktiviti luar itu dijalankan. Apatah lagi dalam dekad ini aktiviti luar telah berkembang dengan pesat dan menjadi aktiviti yang digemari oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh (Mohd. Yusof Abdullah 1994)¹¹ bertajuk: Kemana Halatuju Pemimpin Rekreasi Luar Yang Dilahirkan Oleh Kementerian Belia dan Sukan, membuktikan bahawa kegiatan aktiviti luar menjadi aktiviti yang digemari oleh kebanyakan masyarakat di Malaysia, tetapi kekurangan jurulatih yang berpengalaman dalam bidang aktiviti luar menjadikan aktiviti tersebut lebih bersifat negatif dan merbahaya kerana tidak ada tunjuk ajar yang betul dan mereka melakukannya mengikut sesuka hati.

Kajian ini disokong oleh (Madzrib Ibrahim 1997)¹² yang menyatakan kebanyakan masyarakat di Malaysia tertarik untuk menceburi aktiviti luar kerana kehidupan dalam zaman moden masa kini ialah zaman automasi, sains dan teknologi yang membawa banyak perubahan terhadap cara hidup mereka dan juga telah membawa proses urbanisasi yang mewujudkan "Masyarakat Penghuni". Ini mengakibatkan banyak cabaran, masalah tekanan hidup, kesesakan di jalanraya dan pelbagai lagi. Aktiviti luar menjadi kegemaran masyarakat di Malaysia adalah hasil dari usaha Kementerian Belia dan Sukan yang memperkenalkan slogan "Malaysia Cergas" tahun 1984 dan melalui penganjuran program "Rakan Muda" yang bermula pada tahun 1994.

Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan stail kepimpinan model Hempill (Halpin 1966)¹³ dengan tahap motivasi pelajar-pelajar aktiviti luar di Fakulti Pendidikan, Sukan dan Rekreasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk meneliti faktor-faktor motivasi penglibatan pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan, Sukan dan Rekreasi, UKM dalam aktiviti luar berdasarkan kepada 4 orang jurulatih yang mengendalikan aktiviti luar dan stail kepimpinan jurulatih yang diminati serta menjadi pilihan mereka.



Metodologi

Rekabentuk Kajian

Pengkaji menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif iaitu kuasi eksperimen *quasi experiment* secara kaedah tinjauan yang juga dikenali sebagai *ex-post facto*. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan *single-group posttest-only design* kerana ia memerlukan Rawatan dan Ujian *Treatment and Test*. Apabila rawatan dan ujian-pasca digunakan maka rekabentuk kuasi eksperimen *quasi experiment* mempunyai kelebihan untuk menggunakan kumpulan yang sedia wujud di dalam penentuan kajian (Creswell 2005)¹⁴.

Sampel Kajian

Sampel kajian yang diperolehi berdasarkan maklumbalas dari 80 orang responden terhadap soal selidik yang telah diedarkan. Persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengumpulna maklumat daripada sekumpulan sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian. Sampel memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian, iaitu 20 orang lelaki dan 20 orang perempuan daripada pelajar Tahun 4 Sukan dan Rekreasi Fakulti Pendidikan UKM dan 20 orang lelaki dan 20 orang perempuan daripada Kelab Rakan Muda UKM. Data-data sekunder dan primer yang dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) 20.0* bagi mendapatkan data hasilan yang terbaik.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik *Leader Behavior Description Questionnaire (LBDQ)* untuk mengukur stail kepimpinan. Ia merupakan soal selidik yang dibentuk di Universiti Ohio State oleh Halpin (1966)¹³ bagi menguji pertalian yang berkaitan dengan tingkahlaku pemimpin dan tingkahlaku kumpulan. Soal selidik yang digunakan untuk mengukur tahap motivasi pula ialah *A Questionnaire Measure of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT)* yang mana telah dibentuk oleh Mahrabian dan Banks (1978)¹⁵. Tingkat dan tahap motivasi seorang pelajar dikira berdasarkan kepada skala yang dibentuk kepada dua iaitu tinggi dan rendah. Min bagi pengukuran ini dijadikan sebagai garis pemisah antara markah tinggi dan rendah. Penilaian responden bagi kedua-dua soal selidik ini adalah berdasarkan skala Likert 5 mata.



Dapatan Dan Perbincangan

Analisis Stail Kepimpinan Jurulatih Aktiviti Luar Dengan Tahap Motivasi Pelajar

Analisis untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan dan perbezaan stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar telah dijalankan dengan menggunakan Ujian-t bebas.

Hipotesis Pertama

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda UKM.

Jadual 1 menunjukkan Ujian-t membandingkan nilai skor min bagi jantina pelajar dengan tahap motivasi. Berdasarkan jadual skor min ujian bagi lelaki ialah 4.44 dan sisihan piawai ialah .302, bagi perempuan pula ialah 2.348 dan sisihan piawai ialah .188.

Jadual 1:
Ujian-t Perbezaan Nilai Skor Min Antara Jantina Dengan Tahap Motivasi Pelajar

Tahap Motivasi Jantina	N	Min	s.p	df	Nilai t	Paras Signifikan
Ujian :						
Lelaki	40	4.44	.302	78	4.035	.0004*
Perempuan	40	2.348	.188			

- signifikan pada aras 0.05

Keputusan ujian yang diperolehi adalah tidak signifikan ($t = 4.035$, $df = 78$, $p < .05$). Nilai t aras kesignifikan adalah lebih kecil daripada 0.05, maka H_0 ditolak. Ini bermaksud terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda.



Hipotesis Kedua

H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara peringkat pengajian dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda UKM.

Jadual 2 menunjukkan Ujian-t membandingkan skor min bagi peringkat pengajian dengan tahap motivasi. Berdasarkan jadual skor min bagi ujian peringkat ijazah ialah 4.421 dan sisihan piawai ialah .269, manakala bagi peringkat sarjana (master) pula ialah 1.805 dan sisihan piawai ialah .255

Jadual 2:

Ujian-t Perbezaan Nilai Skor Min Antara Peringkat Pengajian Dengan Tahap Motivasi Pelajar

Tahap Motivasi Peringkat Pengajian	N	Min	s.p	df	Nilai t	Paras Signifikan
Ujian :						
Ijazah	39	4.421	.269	78	3.051	.003*
Master	41	1.805	.255			

- signifikan pada aras 0.05

Keputusan ujian yang diperolehi adalah signifikan ($t = 3.051$, $df = 78$, $p < .05$). Nilai t aras kesignifikan adalah lebih kecil daripada 0.05, maka H₀ ditolak. Ini bermaksud terdapat perbezaan yang signifikan di antara peringkat pengajian dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi UKM dan Kelab Rakan Muda UKM.

Hipotesis Ketiga

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis aktiviti dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda.

Jadual 3 menunjukkan Ujian-t membandingkan skor min bagi jenis aktiviti dengan tahap motivasi. Berdasarkan jadual skor min bagi ujian pra aktiviti darat ialah 4.323 dan sisihan piawai ialah .243, bagi pra aktiviti air pula ialah 4.22 dan sisihan piawai ialah .353.



Jadual 3:

Ujian-t Perbezaan Nilai Skor Min Antara Jenis Aktiviti Dengan Tahap Motivasi Pelajar

Tahap Motivasi Jenis Aktiviti	N	Min	s.p	df	Nilai t	Paras Signifikan
Ujian :						
Darat	58	4.323	.243	78	-0.357	.722*
Air	22	4.22	.353			

- signifikan pada aras 0.05

Keputusan ujian yang diperolehi adalah signifikan ($t = -.357$, $df = 78$, $p > .05$). Nilai t aras kesignifikan adalah lebih besar daripada 0.05, maka H_0 diterima. Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis aktiviti dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar, Program Sukan dan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda, UKM.

Hipotesis Keempat

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di antara sampel kajian dengan stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar, Program Sukan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda.

Jadual 4 menunjukkan Ujian-t membandingkan skor min bagi jantina pelajar dengan stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar. Berdasarkan jadual skor min bagi ujian lelaki ialah 3.621 dan sisihan piawai ialah .302, bagi perempuan pula ialah 4.242 dan sisihan piawai ialah .188

Jadual 4:

Ujian-t Perbezaan Nilai Skor Min Antara Jantina Dengan Stail Kepimpinan Jurulatih Aktiviti Luar

Stail Kepimpinan Jantina	N	Min	s.p	df	Nilai t	Paras Signifikan
Ujian :						
Lelaki	40	3.621	.302	78	0.0433	.659*
Perempuan	40	4.242	.188			

- signifikan pada aras 0.05



Keputusan ujian yang diperolehi adalah tidak signifikan ($t = .433$, $df = 78$, $p > .05$). Nilai t aras kesignifikan adalah lebih besar daripada 0.05, maka H_0 diterima. Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar, Fakulti Pendidikan Sukan Rekreasi dan Kelab Rakan Muda.

Ringkasan, Perbincangan Dan Cadangan Kajian

Ringkasan Kajian

Bermula dengan premis yang pertama iaitu motivasi seseorang boleh dipupuk dengan kaedah stail kepimpinan yang sesuai. Ini bertepatan dengan teori *human resource* yang berpendapat tingkahlaku seseorang pemimpin boleh mempengaruhi tahap motivasi seseorang terutamanya orang bawahan. Patterson, Carron, & Loughhead (2005)² menyatakan kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk.

Teori motivasi pencapaian oleh Mc Clelland (1967)¹⁶ digunakan sebagai premis yang kedua iaitu menyatakan bahawa motivasi seseorang itu lahir dan berkembang sekiranya persekitaran adalah memberangsangkan. Keadaan persekitaran terutamanya semasa menjalani latihan merupakan satu elemen yang amat penting dalam mempengaruhi tahap motivasi.

Premis yang ketiga adalah berdasarkan teori tingkah laku kepimpinan yang dikaji di Universiti Ohio State oleh Halpin (1966)¹³ Premis ini menjelaskan pemimpin yang mempunyai tahap dimensi pendayautamaan struktur dan timbangrasa yang tinggi mampu mengubah tahap motivasi peserta. Tujuan premis ini adalah untuk melihat perkaitan antara kepimpinan jurulatih mereka sama ada mengamalkan dimensi pendayautamaan struktur ataupun dimensi timbangrasa yang tinggi atau rendah serta kesannya terhadap seorang peserta.

Seramai 40 orang pelajar Program Sukan dan Rekreasi (20 orang lelaki dan 20 perempuan), Universiti Kebangsaan Malaysia dan 40 orang pelajar (20 orang lelaki dan 20 perempuan) Kelab Rakan Muda telah dipilih sebagai responden. Kesemua data yang diperolehi dikumpulkan dan dikodkan dalam program SPSS untuk dianalisis. Soal selidik yang digunakan khusus untuk melihat perkaitan dimensi pendayautamaan struktur dan dimensi timbangrasa. Borang soal selidik mengandungi sebanyak 38 soalan dimana 19 soalan pertama adalah untuk dimensi timbangrasa dan soalan 20 hingga 38 adalah untuk dimensi pendayautamaan struktur. Min digunakan sebagai pemisah antara skor tinggi dan rendah bagi setiap dimensi berkenaan. Bagi mengukur tahap motivasi peserta, sebanyak 23 item dikemukakan dengan menggunakan sekala likert dari 1 hingga 5. Min digunakan sebagai pemisah antara motivasi tinggi dan rendah.

Hipotesis yang pertama adalah melihat perbezaan di antara jantina dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar. Hipotesis yang kedua adalah melihat perbezaan di antara peringkat pengajian dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar. Hipotesis yang ketiga adalah melihat



perbezaan di antara jenis aktiviti dengan tahap motivasi pelajar aktiviti luar. Hipotesis yang keempat adalah melihat perbezaan di antara jantina dengan stail kepimpinan jurulatih aktiviti luar.

Perbincangan

Hipotesis yang pertama menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi peserta mengikut jantina. Kajian ini mendapati bahawa hipotesis ini ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan tahap motivasi peserta lelaki dan peserta perempuan. Ujian t mendapati nilai $t = 4.035$, $p < .05$ dimana min lelaki adalah 4.44 dan min perempuan adalah 2.348. Dapatan ini adalah tidak benar dengan anggapan umum yang menyatakan bahawa peserta-peserta perempuan kurang bermotivasi berbanding dengan peserta lelaki.

Dapatan kajian juga mendapati tahap motivasi peserta perempuan lebih tinggi daripada lelaki. Lefebvre (1979)¹⁷ membuat kajian dengan perbandingan antara peserta lelaki dan peserta perempuan dengan menggunakan sampel 15 orang peserta lelaki dan 15 orang peserta perempuan di Belgium. Keputusan mendapati bahawa peserta lelaki dan peserta perempuan mempunyai skor yang hampir sama dalam jumlah keseluruhan markah ujian. Walau bagaimanapun peserta perempuan didapati mempunyai markat yang lebih tinggi dalam item motivasi dalaman dan takut kepada kegagalan, sebaliknya peserta perempuan pula mendapat markat yang lebih tinggi dalam item-item takut pada kejayaan. Dari segi perbezaan jantina Karabenick (1972)¹⁸ menjelaskan hasil kajiannya mendapati peserta perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila bersaing dengan peserta lelaki berbanding sesama perempuan. Tetapi tiada bukti yang nyata untuk menunjukkan peserta lelaki secara biologikalnya mempunyai sifat bersaing yang lebih tinggi daripada perempuan (dalam Korman 1974)¹⁹.

Hipotesis yang kedua ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara tahap motivasi peserta mengikut peringkat pengajian. Kajian ini mendapati bahawa memang terdapat perbezaan yang signifikan mengikut tempoh pengajian. Melalui analisa ujian-t didapati nilai $t = 3.051$, $p < .05$. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam tahap motivasi mengikut jangka masa lama pengajian. Peringkat pengajian sebenarnya lebih merujuk kepada pengalaman yang diperolehi ketika belajar dan mendapat bimbingan yang lebih daripada jurulatih. Hasil daripada kajian mendapati terdapat perbezaan tahap motivasi peserta dengan jangka masa mereka belajar di fakulti ini. Ini menjelaskan kepada umum bahawa walaupun sudah beberapa tahun mereka berada di fakulti ini namun tahap motivasi mereka tetap tidak dipengaruhi oleh jangka masa mereka belajar. Kajian hampir sama diperolehi oleh Everett (1988)²⁰ yang mendapati terdapat perbezaan tahap motivasi intrinsik dari segi pengalaman mengajar. Walaupun telah lama berkhidmat namun tahap motivasi tidak juga dapat dipengaruhi oleh jangka masa perkhidmatan. Keadaan ini hampir sama dengan jangka masa peserta belajar di fakulti ini.



Hipotesis yang ketiga iaitu tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi mengikut jenis aktiviti luar. Kajian mendapati bahawa tiada terdapat perbezaan yang signifikan tahap motivasi peserta mengikut jenis aktiviti luar. Nilai $t = -0.357$, $p > .05$. Hipotesis ini diterima dan didapati bahawa tidak terdapat perbezaan motivasi dalam jenis aktiviti luar. Jenis-jenis aktiviti luar tidak membezakan tahap motivasi peserta. Sekiranya tahap motivasi mereka berbeza sudah pastilah kejayaan mereka juga akan berbeza. Untuk mencapai kejayaan tidak kira apa bidang aktiviti luar sekalipun memerlukan semangat dan tahap motivasi yang tinggi dan kuat. Ini bersesuaian dengan pendapat Mc Clelland (1961)¹⁶ menyebut bahawa motivasi bukanlah unsur daripada keturunan tetapi merupakan reaksi daripada persekitaran seseorang. Ini bermakna motivasi seseorang boleh dibentuk dengan cara-cara tertentu. Mc Clelland (1961)¹⁶ juga mencadangkan bahawa motivasi boleh dipertingkatkan dengan mengadakan latihan atau aktiviti seperti yang dilakukan dalam bidang perniagaan.

Hipotesis yang keempat menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara stail kepimpinan jurulatih mengikut jantina. Kajian ini mendapati bahawa hipotesis ini diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan antara stail kepimpinan jurulatih dengan peserta lelaki dan peserta perempuan. Ujian t mendapati nilai $t = 0.0433$, $p > .05$ dimana min lelaki adalah 3.62 dan min perempuan adalah 4.242. Dapatan ini adalah tidak benar dengan anggapan umum yang menyatakan bahawa peserta-peserta perempuan kurang bermotivasi apabila berhadapan dengan stail kepimpinan jurulatih yang berbeza berbanding dengan peserta lelaki.

Cadangan

- i. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak kajian yang dibuat dengan lebih luas dan terbuka. Kajian yang dijalankan haruslah ke atas populasi yang lebih besar lagi iaitu bukan terhad pada satu fakulti sahaja tapi pada ahli-ahli persatuan yang melakukan kegiatan aktiviti luar dibawah naungan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- ii. Pengkaji juga mencadangkan agar pembolehubah-pembolehubah lain yang mempunyai kesan terhadap motivasi peserta juga diambil kira terutamanya faktor-faktor luaran seperti status keluarga, sosio ekonomi, latarbelakang keluarga dan status peserta itu sendiri.
- iii. Kajian yang sama juga boleh dibuat dengan melihat perbandingan antara peserta-peserta anjuran fakulti yang menggunakan jurulatih yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah mereka sendiri dengan jurulatih luar yang mempunyai pengalaman dari luar negara ditugaskan khusus untuk melatih mereka seperti anjuran kementerian Belia dan Sukan (KBS).



- iv. Pengkaji ingin mencadangkan agar lebih ramai pengkaji-pengkaji tempatan membuat kajian yang seumpamanya terhadap peserta-peserta aktiviti luar sehingga kajian tersebut mempunyai kebenaran, kebolehpercayaan dan keesahan keputusan dalam kajian ini.
- v. Kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk stail kepimpinan ini sepatutnya dijalankan diperingkat yang lebih tinggi terutamanya di kalangan pemimpin kegiatan aktiviti luar dan jurulatih aktiviti luar diperingkat negeri serta negara.
- vi. Akhir sekali diharap kajian yang akan datang perlu menambah faktor-faktor kajian yang boleh mempengaruhi stail kepimpinan.

Rujukan

1. Yukl, G. (2006). *Leadership in organizations* (6th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
2. Patterson, M. M., Carron, A. V., & Loughhead, T. M. (2005). The influence of team norms on the cohesion-self-reported performance relationship: A multi-level analysis. *Psychology of Sport and Exercise*, 6, 479-493.
3. Jabal, M. S. (2009). *The relationship between leadership styles of coaches and athletes' satisfaction in Golestan province*. The sports management master' thesis, University of North.
4. Kashtan, H. M. (2007). *The relationship between teacher leadership style and team cohesion of football teams in Iranian Premier League*. Master's thesis in Physical Education and Sport Sciences, University of Guilan.
5. Khalaj, G., Khabiri, M., & Sajjadi, N. (2011). *The relationship between coaches' leadership styles & player satisfaction in women skate championship*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 3596-3601.
6. Khuran, H. (2009). *The relationship between different behavior from the perspective of athletes, coaches and athletes' satisfaction levels*. Abstracts of articles presented in the National Congress on Sports Management with emphasis on the 20-year vision of the Islamic Republic of Iran, Januari 31, 2008, Bamdad Book Publishing, hlm. 108.
7. Rui, G. A., Lopes, H., & Mata, R. T. (2011). Leadership, cohesion and satisfaction: Differences between swimming and handball Portuguese teams. *Revista Mexicana de Psicología*, enero 2011, 28(1), 31-42.
8. Sarpira, M., Khodayari, A., & Mohammadi, S. (2012). The relationship between leadership coaching style and team cohesion in team and individual sports. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(12): 297-302.
9. Chelladurai, P. (2007). Leadership in sports. Dlm. G. Tenenbaum & R. C. Eklund (Penyt.), *Handbook of Sport Psychology* (Ed. ke-3, hh. 113-135). Hoboken, NJ: Wiley.
10. Mallet, C.J. (2003). Why the fire burn so brightlt. *International Journal of Sports Psychology*, 3: 117-131.



11. Mohd. Yusof bin Abdullah (1994). Kemana halatuju pemimpin rekreasi yang dilahirkan oleh Kementerian Belia dan Sukan: Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sukan dan Rekreasi.
12. Madzrib bin Ibrahim. (1997). *Nature in Malaysia (Alam semulajadi di Malaysia)*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sukan dan Rekreasi.
13. Halpin, A.W. (1966). *Theory and research in administration*. New York, McMillan Publishing.
14. Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, N.J: Merrill.
15. Mahrabian, A. & Banks, L. 1978. A Questionnaire measure of individual differences in achieving tendency. *Educational and Psychological Measurement* **38**(2): 475-478.
16. Mc Clelland, D. C. Atkinson, J. W. Clark, R. A. & Cowel E. L. (1967). *The Achievement Motive*. Ed ke 2 New York : Appleton Century-Croft.
17. Lefevre, L. M. (1979). Achievement Motivation and casual Attribution in Male and Female Athlete. *International Journal of Sport Psychology* **10** : 31-34.
18. Karabenick, S. A. Valence of success and failure as a function of achievement motives and locus of control. *Journal of Personality and Social Psychology*. 21(1): 101-110.
19. Korman, A. K. (1974). *The Psychology of Motivation*. New Jersey : Prentice Hall Inc.
20. Everett, G. B. (1988). *A study of the Relationship between the prinsipal's leadership style and level of motivation of teaching staff*. Disertasi Ed. D. Tennessee State University. *Disertation Abstracts International* 51 (02A) : 357.